

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, November 14, 2019 2:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Misi kemanusiaan UUM Bantu Komuniti Muslim Kemboja



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 NOVEMBER 2019 / 17 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: PPA CAS

MISI KEMANUSIAAN UUM BANTU KOMUNITI MUSLIM KEMBOJA



UUM ONLINE: Tanpa mengira batas sempadan, mahasiswa dan kakitangan UUM terbang ke wilayah Kratie di Kemboja bagi misi penghantaran bantuan sempena *UUM – ASEAN Students Volunteer Mission to Cambodia*, baru-baru ini.

Pengarah projek, Awis Al Qarni berkata, misi sukarelawan digerakkan melalui program pengumpulan dana oleh mahasiswa Persatuan Inovasi Mahasiswa (INOVA).

"Program julung-julung kali dianjurkan oleh INOVA itu mendapat kerjasama Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Sains (PPA CAS) yang mana misi ini terbahagi kepada dua fasa iaitu '*fundraising campaign*' dan pelaksanaan misi yang sangat mencabar kerana memerlukan kesabaran dan strategi yang betul untuk mencapai sasaran.

“Cabaran awal ialah mengumpul dana dari rakyat Malaysia dan kedua ialah merancang dan mengurus misi yang melibatkan pelbagai pihak. Malah lebih merumitkan lagi, misi ini dijalankan di luar negara.

“Alhamdulillah, kami berjaya menghadapinya dan misi ini banyak memberikan pengalaman yang berharga tentang pelbagai ilmu yang tidak didapati dalam bilik kuliah,” katanya.

Awis berkata, kempen yang dijalankan untuk mengutip dana dalam tempoh 40 hari itu telah berjaya mengumpulkan RM24,773.60 hasil sumbangan rakyat Malaysia.

Menurutnya, sumbangan yang diterima dalam pelbagai bentuk seperti wang tunai, naskhah Al-Quran, Iqra, Muqaddam, sejadah, kopiah, alat tulis, telekung dan makanan.

Katanya, misi tersebut juga mendapat kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) melalui latihan persediaan, Asian Institute of Cambodia yang membantu aspek logistik sepanjang program dan sokongan dari Passage to ASEAN (P2A) dan Pejabat Kedutaan Malaysia di Phnom Penh.

Kampung Krakor terletak di Wilayah Kratie iaitu kira-kira 253 kilometer dari kota Phnom Penh mengambil masa hampir tujuh jam perjalanan kerana jalan raya yang kecil dan bas terpaksa bergerak perlahan di jalan yang kurang baik selain kerja pembinaan yang sedang berjalan.

Bagi memastikan misi ini memberikan sentuhan motivasi dan lebih bermakna, pelbagai aktiviti diadakan seperti mengecat semula masjid akibat banjir, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak dan memasak beramai-ramai untuk kenduri dan akikah termasuk empat ekor kambing yang disumbangkan.

Rombongan UUM membawa lebih 400 kilogram barangan dari Malaysia hasil sumbangan orang ramai untuk diedarkan kepada masyarakat kampung.

Manakala barangan berupa pek makanan berisi 10 kg beras, 2 liter minyak masak, empat tin sardin, 2 kg gula dan dua botol sos ikan di beli di Kratie dengan bantuan AIC untuk diedarkan kepada 68 buah keluarga.

Sementara itu, Dekan PPA CAS, Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad yang mengiringi pelajar ke Kemboja berharap program yang berimpak tinggi seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

“Mereka amat memerlukan perhatian dan bantuan terutamanya pendidikan bagi generasi muda. Melalui pendidikan dan perubahan minda akan dapat membantu mereka bergerak ke hadapan dengan lebih baik.

“Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia terutama jabatan di UUM yang banyak membantu dan sumbangan yang diberikan menunjukkan keprihatinan kita terhadap kemajuan masyarakat muslim di rantau ini,” katanya.

Manakala Imam Masjid Al-Hidayah, Kampung Krakor, Ishak Ahmad berkata, dia terharu dan menzahirkan penghargaan kepada rakyat Malaysia melalui warkah yang ditulis di dalam Bahasa Khmer dan diterjemahkan oleh anaknya, Mohmd Rabani.

Menurut catatan yang dibacakan, Kampung Karkor wujud sejak tahun 1930 dan majoriti penduduknya bekerja sebagai petani dan nelayan.

“Kami amat berterima kasih atas sumbangan yang berikan oleh rakyat Malaysia untuk kampung ini. Saya amat terharu dan serta mendoakan agar Allah s.w.t memurahkan rezeki kepada semua yang membantu misi ini,” katanya.

Terdapat dua buah perkampungan Muslim di Bandar Kratie iaitu Kampung Krakor dengan jumlah penduduk sekitar 318 orang dan Kampung Trapeang Pring seramai 125 orang.

Penempatan di sepanjang Sungai Mekong ini sering dilanda banjir akibat limpahan air sungai pada musim tengkujuh dan memandangkan lokasinya yang agak jauh, perkampungan ini tidak mendapat perhatian sukarelawan dan aktiviti korban dari Malaysia.

Misi dari UUM ini merupakan aktiviti sukarelawan pertama dari Malaysia yang sampai di perkampungan ini yang telah wujud sejak tahun 1930 lagi.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.